

INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)www.ijlgc.comKAEDAH PENDALILAN QIYAS DAN APLIKASINYA DALAM
KEWANGAN ISLAM SEMASATHE APPLICATION OF QIYAS METHOD IN CONTEMPORARY ISLAMIC
FINANCEFathullah Asni¹, Muhammad Shahrul Ifwat Ishak², Afiffudin Mohammed Noor^{3*}

- ¹ Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia
Email: fathullah@usm.my
- ² Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Gong Badak, 21300, Terengganu, Malaysia
Email: shahrulifwat@gmail.com
- ³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Perlis, 02600 Arau, Perlis, Malaysia
Email: afiffudin@uitm.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.04.2024

Revised date: 13.05.2024

Accepted date: 15.06.2024

Published date: 30.06.2024

To cite this document:

Asni, F., Ishak, M. S. I., & Noor, A. M. (2024). Kaedah Pendalilan Qiyas Dan Aplikasinya Dalam Kewangan Islam Semasa. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9 (36), 408-419.

DOI: 10.35631/IJLGC.936031

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

Abstrak:

Qiyas memainkan peranan yang penting dalam pembinaan hukum Syarak di mana ia merupakan di antara dalil-dalil utama untuk dijadikan hujah dalam ilmu *usul al-fiqh*. Walaupun *usul al-fiqh* adalah ilmu yang membincangkan tentang proses istinbat hukum dan ia merupakan satu keperluan bagi mereka yang terlibat dalam bidang pengeluaran hukum, namun melihat kepada keadaan semasa, didapati ilmu *usul al-fiqh* terutama dari segi penulisan agak kurang mendapat perhatian, apatah lagi dalam bidang pengeluaran hukum yang berkaitan kewangan Islam. Oleh itu, antara dalil *usul fiqh* yang sesuai untuk menyelesaikan isu-isu moden yang tidak dicontohkan oleh zaman silam adalah dalil *qiyas*. *Qiyas* merupakan dalil yang penting dalam menentukan elemen persamaan dari sudut 'illah hukum terhadap perkara yang telah disebutkan oleh nas Syarak kepada perkara baharu. Selain itu, dalil ini diterima sebagai hujah oleh para ulama yang muktabar di kalangan mazhab sunni yang empat. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis aplikasi pendalilan *qiyas* terhadap amalan kewangan Islam semasa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana ia melibatkan kajian kepustakaan merangkumi buku, jurnal dan pekeliling yang berkaitan. Bahan-bahan yang diperolehi akan dianalisis menggunakan metode analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa praktis dalam kewangan Islam yang dilaksanakan berdasarkan kepada justifikasi dalil *qiyas*. Antara praktis tersebut merangkumi isu mata wang fiat, isu keperluan minimum aset fizikal dalam sukuk, isu zakat

perhiasan (emas dan perak) dan isu zakat saham syarikat senaraian awam. Justeru, boleh disimpulkan bahawa dalil *qiyas* memainkan peranan yang penting dalam menjadi rujukan utama kepada isu-isu berkenaan kewangan Islam semasa. Oleh itu, adalah disyorkan agar pengendali industri kewangan Islam semasa memahami dalil *qiyas* dengan sebaiknya.

Kata Kunci:

Fiat, Qiyas, Usul Fiqh, Sukuk, Zakat

Abstract:

Qiyas plays a crucial role in the formulation of Sharia law, being one of the primary sources of evidence used in the science of usul al-fiqh. Although usul al-fiqh, the science that discusses the process of deriving legal rulings, is a necessity for those involved in the issuance of legal rulings, it is observed that in the current context, the literature on usul al-fiqh has not received adequate attention, especially in the domain of Islamic finance. Therefore, one of the suitable sources of usul al-fiqh for resolving modern issues that were not addressed in ancient times is the source of qiyas. Qiyas is essential in determining the element of similarity from the perspective of the 'illah (effective cause) of the law between an issue explicitly mentioned in the Sharia texts and a new issue. Furthermore, this source is accepted as evidence by the reputable scholars among the four Sunni schools of thought. This study aims to analyze the application of qiyas as evidence in contemporary Islamic financial practices. The study employs a qualitative approach, involving a literature review encompassing books, journals, and relevant circulars. The collected materials are analyzed using document analysis methods. The findings of the study indicate that several practices in Islamic finance are implemented based on the justification of qiyas. These practices include issues related to fiat currency, the requirement for a minimum amount of physical assets in sukuk, the zakat on jewelry (gold and silver), and the zakat on publicly listed company shares. Therefore, it can be concluded that qiyas plays an important role as a primary reference for contemporary issues in Islamic finance. It is recommended that current Islamic finance industry practitioners thoroughly understand the source of qiyas.

Keywords:

Fiat, Qiyas, Usul Fiqh, Sukuk, Zakat

Pengenalan

Qiyas merupakan di antara rujukan yang hampir disepakati oleh para ulama terutama bagi imam empat mazhab merangkumi mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali. *Qiyas* berperanan untuk meluaskan ketetapan Syariah dalam al-Quran dan al-Sunnah, kepada isu-isu baru yang tidak pernah disebutkan oleh kedua-dua sumber tersebut. Memandangkan kehidupan manusia berkembang secara dramatik sementara al-Quran dan al-Sunnah telah disempurnakan, *qiyas* memainkan peranan penting untuk dirujuk berkaitan isu-isu baharu berdasarkan kehendak wahyu. Tanpa *qiyas*, Syariah tidak akan relevan dan hukumnya terbatas (Ishak dan Asni, 2022).

Qiyas memainkan peranan yang sangat penting dalam pembinaan hukum Syarak di mana ia merupakan di antara dalil-dalil utama untuk dijadikan hujah dalam ilmu *Usul al-Fiqh* (Asni et al., 2022). Walaupun *Usul al-Fiqh* adalah ilmu yang membincangkan tentang proses istinbat hukum dan ia merupakan satu keperluan bagi mereka yang terlibat dalam bidang pengeluaran hukum, namun melihat kepada keadaan semasa, didapati ilmu *Usul al-Fiqh* terutama dari segi penulisan agak kurang mendapat perhatian, apatah lagi dalam bidang pengeluaran hukum yang berkaitan kewangan Islam (Shaarani & Ahmad 2016). Penulisan sedia ada lebih menekankan kepada perbincangan tentang hukum-hukum fiqh semasa tanpa mengkaitkannya dengan *Usul al-Fiqh*, sedangkan *Usul al-Fiqh* adalah asas kepada hukum (Ishak & Asni 2022). Melihat isu ini, dibawakan satu tajuk dalam ilmu *Usul al-Fiqh* yang dikira dapat membuka pintu perbincangan lanjut tentang *Usul al-Fiqh* iaitu kaedah pendalilan *qiyas*. Perbincangan akan memfokuskan kepada beberapa isu muamalat semasa dan penyelesaiannya dari kaca mata *qiyas*, dan ini bagi membuktikan bahawa *Usul al-Fiqh* berperanan penting dalam penyelesaian hukum-hukum Syarak. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis aplikasi pendalilan *qiyas* terhadap amalan kewangan Islam semasa.

Sorotan Kajian

Definisi Qiyas

Qiyas menurut bahasa bermaksud mengukur atau memastikan panjang, berat, atau kualiti sesuatu. Sementara menurut istilah, *qiyas* ialah pelanjutan nilai Syariah daripada kes asal kepada kes baharu, kerana kes yang kedua mempunyai sebab dan kesan yang sama dengan kes yang pertama. Kes asal dikawal oleh nas al-Quran dan al-Sunnah, dan *qiyas* berusaha untuk melanjutkan ketetapan tekstual yang sama kepada kes baru (al-Zuhaili, 2009).

Berdasarkan definisi ini, difahami bahawa Syariah memberikan ketetapan khusus mengenai pelbagai isu semasa era wahyu. Era itu bagaimanapun telah berakhir. Kehidupan manusia pula sentiasa diperbaharui dengan banyak isu baru yang muncul, justeru mereka amat memerlukan perspektif Syariah dalam segala hal. Sepanjang tempoh tersebut, ulama Islam tidak menghadkan peranan mereka dalam menerokai ketetapan Syariah yang disebut dalam al-Quran atau al-Sunnah. Sebaliknya, mereka cuba untuk memahami lebih lanjut maksud tersirat di sebalik sesuatu hukum, apa yang menyebabkan ia dilarang atau dibenarkan. Hasilnya, mereka dapat menerapkan hukum Syariah dalam al-Quran dan al-Sunnah dalam isu-isu baru yang kedua-duanya mempunyai persamaan. Untuk mengaplikasikan *qiyas*, terdapat empat rukun yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

1. *Asl* (Kes asal)

Asl merujuk kepada kes yang asalnya mempunyai ketetapan Syariah yang khusus. Kes tersebut dan hukumnya disebut dengan jelas sama ada di dalam al-Quran atau al-Sunnah. Dalam proses *qiyas*, *asl* menjadi kes yang dirujuk kepada kes baru. Sebagai contoh, status *khamr* (arak) dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran dan al-Sunnah dan boleh jadi kes *asl* untuk menggunakan *qiyas* ke dalam minuman beralkohol yang baru (Zaidan, 1986).

2. *Far'u* (Kes baharu)

Far'u mewakili kes baharu, di mana statusnya masih belum ditentukan oleh Syariah. *Far'u* sangat memerlukan ketetapan Syariah yang khusus. Sebagai contoh, pengambilan minuman beralkohol yang tidak mempunyai ketetapan Syariah yang khusus menurut al-Quran dan al-Sunnah, statusnya perlu ditentukan (al-Zuhaili, 2009).


3. 'Illah (sebab yang berkesan)

'Illah adalah sifat *asl*. Sifat ini yang diyakini oleh ulama adalah sebab *asl* mempunyai ketetapan yang khusus daripada Allah SWT (Kamali, 2016). Jika sifat ini wujud dalam *asl* dan *far'u*, maka keputusannya akan sama. Sebagai contoh, mabuk adalah 'illah terhadap larangan *khamr*, maka ia turut dikesan dalam arak.

4. Hukum

Hukum adalah ketetapan *asl* khusus yang diberikan oleh Syariah. Dalam amalan *qiyas*, hukum ini akan dipanjangkan kepada *far'u* kerana persamaan 'illah di antara kedua-duanya. Sebagai contoh, hukum *khamr* adalah haram di sisi Syarak kerana mabuk di mana 'illah ini juga terdapat dalam arak, justeru hukum *khamr* akan diperluaskan kepada arak (al-Zuhaili, 2009).

Rajah 1: Hubungan Antara Asl Dan Far'u



Sumber: Penulis

Secara umumnya, *qiyas* dianggap sebagai salah satu daripada sumber utama Syariah selepas al-Quran, al-Sunnah dan *ijma'*. Ia juga disepakati oleh para ulama mengenai penghujahannya dalam Syariah. Sebenarnya, *qiyas* mempunyai justifikasi yang kuat daripada al-Quran dan al-Sunnah, seperti yang ditunjukkan di bawah:

1. Dalam surah al-Nisa', Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya, “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.” (al-Nisa’:59)

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT menghendaki sebarang hujah yang berkaitan dengan isu baharu hendaklah merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah yang merupakan rujukan tertinggi

dalam Syariah. Sebahagian daripadanya boleh dirujuk secara langsung, manakala sebahagian lagi boleh dilakukan secara tidak langsung melalui proses *qiyas*. Ini boleh dilakukan dengan mengenal pasti persamaan antara ketetapan yang disebut dalam kedua-dua teks mengenai isu baharu itu (al-Zuhaili, 2009).

2. Bersandarkan hujah al-Sunnah di mana dikhabarkan bahawa seorang lelaki datang kepada Nabi SAW dan memberitahu Nabi SAW bahawa bapanya telah meninggal dunia tanpa mengerjakan haji, lalu dia bertanya sama ada dia harus menunaikannya bagi pihak bapanya atau tidak. Rasulullah SAW menjawab,

أَرَأَيْتَ لَوْ كَانَ عَلَى أَبِيكَ دَيْنٌ أَكُنْتَ قَاضِيَهُ . قَالَ "نَعَمْ" . قَالَ " فَدَيْنُ اللَّهِ أَحَقُّ

Maksudnya, "Tidakkah kamu fikir jika ayah kamu berhutang, kamu akan membayarnya?" Lelaki itu berkata: 'Ya.' Dia berkata: 'Hutang kepada Allah lebih berhak (dilunaskan).' (Al-Nasai', 24:21)

Hadis di atas jelas menunjukkan bagaimana Nabi SAW membuat analogi untuk menjawab soalan yang ditanya oleh seorang lelaki. Walaupun ketetapan ini ditentukan oleh Nabi SAW, baginda telah menunjukkan bagaimana *qiyas* diterapkan. Kewajipan dengan manusia dianggap sebagai hukum asal dalam masalah ini, manakala kewajipan dengan Allah mewakili hukum *far'u. Illah* di antara kedua-dua perkara itu ialah hutang. Oleh itu, sebagaimana mestinya hukum kewajipan terhadap manusia, maka hukum yang sama hendaklah diterapkan ke atas kewajipan kepada Allah SWT (al-Zuhaili, 2009).

3. Amalan Sahabat

Dikhabarkan bahawa para Sahabat berkumpul untuk menentukan hukuman bagi seorang pemabuk. Walaupun meminum *khamar* adalah dilarang, namun hukumannya tidak jelas bagi orang yang mabuk. Dalam hal ini, Ali bin Abi Talib menyarankan agar hukuman *qazaf* (tuduhan palsu) dikenakan kepada orang yang meminum *khamar* kerana apabila dia mabuk, dia mula membuat tuduhan palsu.

Walaupun dalil *qiyas* tidak boleh dipersoalkan kerana sandaran yang kukuh daripada al-Quran dan al-Sunnah, tetapi terdapat segelintir golongan Islam yang tidak bersetuju dengan sumber ini. Mereka terdiri daripada mazhab Zahiri. Salah satu hujah mereka adalah berdasarkan ayat berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْدِمُوا بَيْنَ يَدَيِ اللَّهِ وَرَسُولِهِ

Maksudnya, "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memandai-mandai (melakukan sesuatu perkara) sebelum (mendapat hukum atau kebenaran) Allah dan RasulNya." (al-Hujurat: 1)

Ayat ini menunjukkan larangan mendahulukan sumber lain daripada al-Quran dan al-Sunnah. Justeru, merujuk kepada *qiyas* bermaksud merujuk kepada sesuatu selain daripada al-Quran dan al-Sunnah. Namun, hujah ini lemah kerana ayat tersebut tidak merujuk kepada larangan *qiyas*. Bahkan Rasulullah SAW dan para Sahabatnya menerapkan *qiyas* dalam menangani pelbagai masalah. Ini secara tidak langsung mematuhi arahan Allah dan Rasul (al-Zuhaili, 2009).

Antara hujah lain yang mereka sandarkan untuk menolak dalil *qiyas* adalah berdasarkan hadis Nabi SAW iaitu,

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ قَرَضَ فَرَائِضَ فَلَا تُضَيِّعُوهَا وَحَرَّمَ حُرْمَاتٍ فَلَا تَنْتَهِكُوهَا وَحَدَّ حُدُودًا فَلَا تَعْتَدُوهَا وَسَكَتَ عَنْ أَشْيَاءٍ مِنْ غَيْرِ نِسْيَانٍ فَلَا تَبْحَثُوا عَنْهَا

Maksudnya, "Allah telah mewajibkan perkara-perkara tertentu, maka jangan kamu mengabaikannya; Dia telah melarang beberapa perkara, maka janganlah kamu melanggarnya; Dia telah menetapkan batas-batas tertentu, maka janganlah kamu melampauinya; dan Dia, tanpa pernah lupa, tidak mengatakan apa-apa tentang perkara-perkara tertentu, jadi jangan kamu menyelidikinya ". (al-Daruqutni, 2004).

Hadis ini menunjukkan bahawa dalam setiap perkara yang tidak disebutkan berkenaan hukumnya secara jelas oleh Syarak, maka perkara itu diberi keampunan atau status asalnya adalah diharuskan. Justeru, sebarang hukum yang dikeluarkan melalui proses *qiyas* dianggap bertentangan dengan Syariah. Dengan kata lain apabila sesuatu perkara itu didiamkan oleh Syarak, namun ia diletakkan hukum sama ada wajib atau haram, maka ia merupakan ketetapan yang tidak ditetapkan oleh Allah SWT.

Begitu juga dengan mengharamkan sesuatu berdasarkan *qiyas*, bererti melarang perkara yang asalnya tidak diharamkan oleh Allah SWT (Zaidan, 2009). Namun hujah ini lemah kerana hukum yang dikeluarkan melalui *qiyas* tidak ditetapkan oleh ulama, sebaliknya ia ditetapkan oleh Syariah kerana persamaan dari sudut 'illah antara hukum yang asal dan hukum *fur'u*. Justeru, jika 'illah dalam mana-mana hukum boleh ditentukan, maka hukum itu boleh digunakan dalam isu baharu yang berkongsi 'illah yang serupa (al-Zuhaili, 2009).

Parameter Qiyas

Seperti sumber-sumber lain, *qiyas* bukanlah sumber Syariah yang berdiri dengan sendiri. Ia berperanan untuk mengenal pasti isu baharu dengan hukum yang asal dalam al-Quran dan al-Sunnah. Sehubungan itu, proses *qiyas* perlu memenuhi parameternya bagi memastikan kesahihan aplikasi *qiyas*. Justeru, para ulama telah menetapkan parameter khusus bagi setiap rukun *qiyas* seperti berikut:

1. Asl

Syarat pertama *qiyas* ialah hukum *asl* tidak boleh menjadi *far'u* (al-Amidi, 2005). Sebagai contoh, tidak boleh *qiyas* antara jagung dan beras untuk mengisytiharkan jagung sebagai barang riba dengan menganggap beras adalah *asl*. Ini disebabkan oleh fakta bahawa beras tidak mempunyai ketetapan Syariah khusus sebagai riba. Sebaliknya beras dianggap sebagai barang riba setelah dikiaskan dengan membandingkannya dengan barli, salah satu barang riba (Kamali, 2016).

Hukum *asl* mesti dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran atau al-Sunnah dengan ketetapan Syariah yang khusus dan dalil yang kukuh. Dalam hal ini, tidak sah menerapkan *qiyas* pada *asl* yang tidak mempunyai asas hukum. Sebagai contoh, al-Qaradawi (2010) berhujah tentang pihak yang cuba membenarkan transaksi riba antara kerajaan dan rakyatnya. Mereka membenarkan hal ini berdasarkan *qiyas* dalam kes pinjaman dengan faedah antara bapa dan anaknya. Justeru, konsep ini boleh diterapkan dalam hubungan antara kerajaan dan rakyatnya kerana kedua-duanya berkongsi persamaan dari segi menjaga antara satu sama lain.

Sebenarnya, *qiyas* ini tidak mempunyai justifikasi yang sah dari segi hukum *asl* dan ia adalah helah untuk menghalalkan riba.

2. *Hukm*

Dalam aplikasi *qiyas*, hukum *asl* dipanjangkan kepada *far'u* supaya yang *far'u* boleh diletakkan hukum sebagaimana hukum yang *asl*. Secara umumnya, terdapat dua syarat hukum seperti yang disenaraikan di bawah:

a. Keputusan Itu Mestilah Bukan Untuk Kes Khas.

Walaupun ketetapan Syariah adalah inklusif untuk semua orang Islam tanpa mengira masa, tempat dan latar belakang mereka. Namun dalam beberapa kes, terdapat ketetapan khas yang merujuk kepada individu tertentu. Sebagai contoh, Nabi SAW telah mengiktiraf kesaksian Khuzaymah sahaja sama dengan dua orang saksi. Namun begitu, kesaksian ini diberikan secara eksklusif kepada Khuzaymah sahaja dan tidak terpakai kepada orang lain. Justeru *qiyas* tidak boleh digunakan untuknya (Isma'il, 2008).

b. Keputusan Itu Tidak Boleh Dihadkan Kepada Situasi Yang Luar Biasa.

Secara umumnya, ketetapan Syariah boleh dibahagikan kepada dua keadaan iaitu biasa dan luar biasa. Bagi keadaan yang luar biasa, ketetapan khas mesti diguna pakai sebagai pengecualian daripada ketetapan umum. Sebagai contoh, orang yang bermusafir dibenarkan berbuka puasa pada bulan Ramadan, sebagai pengecualian daripada ketetapan umum iaitu puasa adalah wajib. Walaupun ketetapan ini adalah untuk meringankan kesulitan yang dialami oleh orang yang bermusafir, namun ia tidak boleh dikiaskan kepada kesulitan yang lain seperti meninggalkan puasa bagi orang yang mengalami kesulitan yang lain seperti melakukan pekerjaan yang berat kerana ia adalah ketetapan khusus untuk situasi yang luar biasa (Isma'il, 2008).

3. *Far'u*

Far'u mewakili kes baharu yang memerlukan ketetapan Syariah untuk menjelaskan statusnya. Oleh kerana objektif *qiyas* adalah untuk memanjangkan hukm *asl* kepada *far'u*, maka *far'u* tidak disebutkan dalam al-Quran atau al-Sunnah. Justeru, *qiyas* hanyalah pendekatan perundangan untuk mencari ketetapan baharu dengan menggunakan analogi. Sebagai contoh, majoriti ulama menolak penghujahan *qiyas* oleh mazhab Hanafi dalam isu membebaskan hamba sebagai hukuman zihar. Menurut mazhab Hanafi, seorang hamba dalam kes zihar mestilah beragama Islam, kerana mereka menggunakan *qiyas* dalam kes pembebasan hamba sebagai hukuman bagi pembunuhan yang salah di mana hamba tersebut mestilah beragama Islam. Namun begitu, *qiyas* ini tidak sesuai menurut majoriti ulama kerana memerdekakan hamba sebagai hukuman zihar telah disebut dengan jelas dalam al-Quran (Isma'il, 2008).

4. '*Illah*

'*Illah* merupakan unsur yang paling penting dalam proses *qiyas* kerana ia bertindak sebagai jambatan penghubung antara hukum *asl* dan *far'u*. Dalam hal ini, banyak parameter disediakan untuk memastikan penggunaan *qiyas* adalah sah seperti berikut:

a. '*Illah* Adalah Konsisten.

Untuk mengisytiharkan sebarang sifat sebagai '*illah*, ia mestilah sentiasa tersedia tanpa mengira perbezaan antara orang, masa, tempat dan keadaan (Isma'il, 2008). Sebagai contoh, ulama menentukan '*illah* mengizinkan *jama'* solat bagi orang musafir kerana jarak perjalanan,

bukan kesukaran yang dialami musafir. Ini kerana, kesukaran yang dialami oleh setiap individu adalah berbeza.

b. *'Illah* Mestilah Terserlah Secara Zahir.

'Illah mestilah dibuktikan secara zahir dan jelas bagi manusia (Al-Amidi, 2005). Ini kerana, *'illah* menentukan hukum bagi kedua-dua perkara iaitu *asl* dan *far'u*. Sebagai contoh, tanda mabuk dapat dilihat dengan jelas oleh manusia, maka ia layak untuk dianggap sebagai *'illah* bagi larangan arak. Berdasarkan parameter ini, DNA tidak boleh menjadi *'illah* untuk menentukan nasab antara anak kepada bapanya, kerana DNA tidak dapat dilihat secara zahir. Oleh itu, ulama mengiktiraf perkahwinan rasmi antara lelaki dengan ibu kanak-kanak itu, maka dia akan dianggap sebagai bapa yang sah (Al-Amidi, 2005). Dalam konteks ini, *qiyas* tidak boleh digunakan dalam kes antara ibu bapa yang berkahwin dan pasangan yang belum berkahwin, walaupun kedua-duanya mempunyai persamaan dari segi ikatan biologi.

c. Ia Mestilah Munasabah, Menepati *Maqasid Al-Shari'ah* (Objektif Shari'ah).

Menentukan *'illah* bagi mana-mana kes mestilah munasabah dari segi *maqasid al-Shari'ah* (al-Sa'di, 2011). Makna hukum Syariah boleh diuraikan kepada dua unsur iaitu *'illah* dan hikmah (kebijaksanaan). *'Illah* menentukan sejauh mana sesuatu ketetapan boleh mencapai hikmahnya, yang mencerminkan kesan positif daripada pelaksanaannya. Dengan kata lain, menerapkan ketetapan dalam situasi yang sesuai, memenuhi *'illah* antara ketetapan dan realiti, seterusnya membawa hikmah (Ishak, 2018). Sebagai contoh, kesan mabuk adalah *'illah* mengapa *khamar* dilarang kerana sebarang cecair yang menyumbang kepada sifat ini adalah subjek hukum. *'Illah* ini selaras dengan hikmah ketetapan hukum iaitu menjaga akal seseorang kerana mabuk akan menjejaskannya.

Qiyas antara nikah dan jual beli oleh mazhab Hanafi adalah antara contoh yang ditolak oleh majoriti para ulama. Para ulama mazhab Hanafi berhujah bahawa seorang wanita adalah kompeten sepenuhnya untuk membuat akad nikah bagi pihaknya sendiri. Pandangan ini berdasarkan konsep *qiyas* dengan jual beli. Memandangkan al-Quran memberi hak kepada semua pihak termasuk golongan wanita untuk melaksanakan transaksi perniagaan atas kehendak mereka sendiri, maka ia harus dibenarkan dalam pernikahan juga, kerana kedua-duanya adalah transaksi akad. Namun begitu, *qiyas* ini ditolak oleh majoriti para ulama di mana akad nikah berbeza dengan akad perniagaan, kerana akad jual beli itu adalah perkara peribadi manakala nikah melibatkan pihak lain termasuk keluarga (Kamali, 2016).

d. *'Illah* Mesti Digunakan Untuk Kes Baru

Tidak semua *'illah* yang wujud dalam *asl* boleh dipanjangkan menjadi *far'u*. Sebahagian *'illah* secara eksklusif tergolong dalam *asl* kerana tidak ada kes yang boleh dibandingkan dengannya (al-Zuhaili, 2009). Sebagai contoh, majoriti ulama berpendapat bahawa sifat *thamaniah* (kewangan) adalah *'illah* khusus untuk emas dan perak serta *'illah* ini tidak boleh digunakan untuk logam yang lain.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana ia melibatkan kajian kepustakaan merangkumi buku dan jurnal yang berkaitan. Pengkaji terlebih dahulu melakukan sorotan kajian yang berkaitan definisi *qiyas*, kewibawaan *qiyas* dan klasifikasi *qiyas*. Kemudian pengkaji mengenal pasti aplikasi kewangan Islam semasa yang bersandarkan kepada pendaliran *qiyas*. Setelah data diperolehi, ia akan dianalisis menggunakan metode analisis

kandungan dengan mengidentifikasi, menyaring, menafsirkan, dan membahagikan data ke dalam kategori aplikasi *qiyas* dalam kewangan Islam semasa (Lebar, 2018).

Dapatan dan Perbincangan

Qiyas dan Aplikasinya dalam Kewangan Islam

Mata Wang Fiat

Menurut al-Quran dan al-Sunnah, emas (dinar) dan perak (dirham) secara praktikal digunakan sebagai mata wang utama pada zaman Rasulullah SAW di mana ketetapan Syariah mengenai riba dan zakat dilaksanakan ke atas kedua-dua mata wang tersebut. Emas dan perak telah menguasai ekonomi dunia selama berabad-abad, sebelum kemunculan mata wang fiat. Pada masa kini, mata wang fiat digunakan secara meluas di seluruh dunia sebagai mata wang rasmi. Orang ramai tidak lagi menggunakan emas dan perak dalam transaksi harian mereka. Oleh itu, para ulama telah menggunakan ketetapan Syariah yang sama iaitu emas dan perak ke dalam mata wang fiat berdasarkan aplikasi *qiyas*. Ini kerana, 'illah antara emas atau perak dan wang fiat adalah serupa kerana kedua-duanya digunakan sebagai alat tukaran (al-Sa'di, 2011).

Qiyas Dalam Insurans

Walaupun insurans konvensional adalah bertentangan dengan ketetapan Syariah, namun terdapat segelintir ulama yang tidak melihat sebarang isu Syariah dengan instrumen ini. Al-Zarqa' (2004) misalnya berpandangan bahawa insurans konvensional atau komersial tidak mempunyai dalil khusus daripada al-Quran dan al-Sunnah yang menunjukkan pengharamannya, justeru ia kekal untuk diharuskan. Lebih-lebih lagi, dibenarkan transaksi insurans dengan membandingkannya dengan *dhaman khatru toriq* (jaminan untuk perjalanan keselamatan). Ia adalah kontrak klasik yang memberikan jaminan melalui perjalanan jauh yang berisiko. Namun begitu, *qiyas* tersebut adalah tidak sesuai kerana dalam *dhaman khatru toriq*, komitmennya adalah sebelah pihak, manakala bagi insurans konvensional, ia adalah komitmen bersama (Shibir, 2007).

Keperluan Minimum Aset Fizikal Dalam Sukuk

Perbezaan ketara antara sukuk dan bon di mana bon melibatkan pemilikan aset, manakala bon dianggap sebagai obligasi hutang. Oleh itu, penerbit sukuk mesti menyediakan aset asas yang mewakili sijil sukuk. Namun begitu, tidak semua penerbit sukuk memiliki aset fizikal yang mencukupi, oleh itu adalah disyorkan untuk menerbitkan aset campuran sukuk yang melibatkan hutang dan aset fizikal. Ini dibenarkan selagi mana bahagian aset fizikal adalah dominan iaitu 51% daripada sukuk boleh niaga. Namun begitu, terdapat segolongan ulama yang masih membenarkan sekiranya fizikal mewakili hanya terdiri daripada satu pertiga daripada jumlah harta. Pandangan ini berdasarkan kes *wasiyyah* seperti yang dilaporkan oleh Saad bin Abi Waqqas, yang bertanya kepada Nabi SAW, "Wahai Rasulullah, bolehkah saya menyedekahkan semua harta saya?" "Tidak." "Kalau begitu bolehkah saya berikan separuh daripadanya?" "Tidak." "Satu per tiga?" "Ya, sepertiga, bahkan sepertiga itu terlalu banyak. Lebih baik kamu meninggalkan ahli warismu dalam keadaan kaya daripada meninggalkan mereka miskin dan meminta-minta kepada orang lain" (al-Bukhari, 1442H).

Berdasarkan hadis ini, Nabi SAW bersabda bahawa jumlah satu pertiga daripada *wasiyyah* adalah terlalu banyak. Oleh itu, menganggap satu pertiga daripada aset fizikal dalam sukuk

campuran sebagai bahagian yang ketara adalah berdasarkan *qiyas* pada jumlah besar *wasiyyah* iaitu satu pertiga (ISRA, 2010).

Zakat Perhiasan (Emas dan Perak)

Sebagaimana yang dimaklumi dalam isu zakat, Islam telah mewajibkan zakat ke atas beberapa jenis harta dan antaranya ialah emas dan perak apabila telah mencukupi *nisab* dan *haul* (Al-Bukhari, hadis no: 1459). Walau bagaimanapun, bagi perhiasan yang diperbuat dari emas dan perak (*al-hulliy*), sebahagian para ulama berpendapat bahawa ia tidak dikenakan zakat kerana lebih melihat kepada persamaan dari sudut ia adalah barang perhiasan yang diguna pakai, sama seperti barang kegunaan lain yang tidak dikenakan zakat jika ia menjadi barang kegunaan (*al-qunyah*) (Ibn Rushd, 1982).

Perhiasan yang dibuat dari emas dan perak adalah dikira sebagai barang kegunaan. Ciri dan sifat kegunaan ini dianggap sebagai '*illah* kepada sifat barang kegunaan harian yang tidak dikenakan zakat. Sementara zakat bagi emas dan perak pula melambangkan pemilikan kekayaan. Oleh itu, jika ciri kekayaan lebih menonjol seperti diguna dan disimpan melebihi dari kadar uruf semasa, maka ia dikenakan zakat.

Zakat Saham Syarikat Senaraian Awam

Syarikat Senaraian Awam (*Public Listed Company*) atau syarikat milik awam ialah syarikat yang disenaraikan di bursa Malaysia (atau mana-mana bursa di dunia) yang mana sahamnya diperniagakan secara harian kepada orang awam. Walau bagaimanapun, timbul persoalan adakah saham yang diperdagangkan di bursa-bursa saham dari segi zakatnya dianggap sebagai barangan yang diniagakan justeru ia tertakluk kepada hukum zakat barang perniagaan ('*urud al-tijarah*') atau saham tersebut dianggap sebagai pegangan ke atas sesuatu aktiviti yang menjana keuntungan justeru ia tertakluk kepada hukum zakat *al-mustaghallat* – iaitu harta yang tidak dikenakan zakat pada ainnya, dan ia tidak dijadikan sebagai barang dagangan, tetapi ia dijadikan sebagai alat untuk menjana keuntungan dan dividen (Al-Qaradawi, 2001).

Dari satu sudut, oleh kerana ia dinamakan sebagai saham, maka ia dikira sebagai pegangan dalam sesuatu syarikat dan aktiviti perniagaan, apatah lagi pemegangnya juga adalah dikira sebagai sebahagian dari pemilik bersama syarikat tersebut, dan pegangan ini memberikannya hak pengundian, mendapat dividen dan sebagainya justeru dari sudut ini saham tertakluk kepada zakat *al-mustaghallat*. Namun dari sudut yang lain pula, saham ini diperdagangkan seperti barangan dagangan, bahkan sebahagian pelabur membelinya bukan untuk berkongsi keuntungan dan dividen yang dijana oleh syarikat tetapi lebih kepada keuntungan dari segi kenaikan harga saham atau *capital gain* dan jika dilihat dari sudut ini pula saham itu sendiri dianggap sebagai barang perniagaan ('*urud tijarah*').

Berdasarkan persamaan-persamaan di atas, dalam konteks zakat, adakah saham-saham yang diperdagangkan ini boleh dikiaskan kepada hukum barang perniagaan yang dikenakan zakat ke atas nilai semasa saham tersebut, atau ia boleh dikiaskan kepada zakat *al-mustaghallat* di mana zakat dikenakan hanya ke atas keuntungan (dividen) dan aset-aset yang dikenakan zakat (*zakatable asset*) yang wujud dalam sesebuah syarikat senaraian awam itu sahaja?

Justeru dalam masalah ini, zakat bergantung kepada niat seseorang itu membeli saham sama ada bertujuan untuk mendapatkan dividen atau untuk diperdagangkan. Jika ia dibeli untuk mendapatkan dividen sebagai contoh, maka zakat yang dikenakan ialah zakat terhadap syarikat

perniagaan iaitu perlu diambil kira harta-harta yang dikenakan zakat dalam syarikat tersebut (*zakatable asset*), dan dibuat tolakan hutang dan sebagainya kemudian barulah dikeluarkan zakat. Adapun jika niat seseorang itu membeli saham untuk tujuan diperdagangkan jika wujud kenaikan harga (*capital gain*) maka keseluruhan nilai saham tersebut perlu dizakatkan, ini kerana saham dianggap sebagai barang dagangan. Pendapat ini dikira sebagai bersesuaian dengan tujuan ianya diniagakan di bursa, dan ini juga adalah pendapat Majma' Fiqhi al-Islami: keputusan zakat saham. (Majma' Fiqhi al-Islami, 10 Oktober 2015). Adapun bagi situasi jika seseorang itu membeli saham untuk niat mendapat keuntungan sahaja tanpa mengkhususkan sama ada untuk mendapatkan dividen atau untuk menjual jika wujud kenaikan harga, maka saham tersebut akan dikira berdasarkan sebagai zakat *al-mustaghallat*, ini berdasarkan *qiyas* iaitu saham pada asalnya adalah untuk mendapatkan dividen, apatah lagi ciri ini lebih menonjol dalam saham berbanding dengan ianya dikira sebagai barang perniagaan (*'urud tijarah*) (Shaarani & Ahmad, 2016).

Kesimpulan

Qiyas memainkan peranan yang penting dalam pembinaan hukum Syarak di mana ia merupakan di antara dalil-dalil utama untuk dijadikan hujah dalam ilmu *usul al-fiqh*. Walaupun *usul al-fiqh* adalah ilmu yang membincangkan tentang proses istinbat hukum dan ia merupakan satu keperluan bagi mereka yang terlibat dalam bidang pengeluaran hukum, namun melihat kepada keadaan semasa, didapati ilmu *usul al-fiqh* terutama dari segi penulisan agak kurang mendapat perhatian, apatah lagi dalam bidang pengeluaran hukum yang berkaitan kewangan Islam. Oleh itu, antara dalil *usul fiqh* yang sesuai untuk menyelesaikan isu-isu moden yang tidak dicontohkan oleh zaman silam adalah dalil *qiyas*. *Qiyas* merupakan dalil yang penting dalam menentukan elemen persamaan dari sudut '*illah* hukum terhadap perkara yang telah disebutkan oleh nas Syarak kepada perkara baharu. Selain itu, dalil ini diterima sebagai hujah oleh para ulama yang muktabar di kalangan mazhab sunni yang empat. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis aplikasi pendalilan *qiyas* terhadap amalan kewangan Islam semasa.

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa praktis dalam kewangan Islam yang dilaksanakan berdasarkan kepada justifikan dalil *qiyas*. Antara praktis tersebut merangkumi isu mata wang fiat, isu keperluan minimum aset fizikal dalam sukuk, isu zakat perhiasan (emas dan perak) dan isu zakat saham syarikat senaraian awam. Justeru, boleh disimpulkan bahawa dalil *qiyas* memainkan peranan yang penting dalam menjadi rujukan utama kepada isu-isu berkenaan kewangan Islam semasa. Oleh itu, adalah disyorkan agar pengendali industri kewangan Islam semasa memahami dalil *qiyas* dengan sebaiknya.

Penghargaan

Penghargaan kepada Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia kerana telah memudahkan urusan penyelidikan dalam menjayakan artikel ini.

Rujukan

- Al-Amidi, S. (2005). *Al-Ihkam fi Usul Al-Ahkam*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Al-Bukhari, M. (1422H), *Sahih al-Bukhari*. Dar Tauq al-Najah.
- Al-Daruqutni, A. (2004). *Sunan al-Daruqutni*. Muassasah al-Risalah.
- Al-Qaradāwī, Y. (2010). *Al-Fatāwa al-Shāzah*. Cairo: Dār al-Shuruq.
- Al-Qaradhawi, Y. (2001). *Fiqh al-Zakat, Dirasah Muqaranah Li Ahkamuha Wa Falsafatuha Fi Daw'i al-Qur'an Wa al-Sunnah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Sa'di, A. M. (2011). *Fiqh al-Mu'amalat*. Jordan: Dar al-Kitab al-Thaqafi

- Al-Zuhaili, W. (2009). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Asni, F., Ramle, M. R., Noor, A. M., & Hasbulah, M. H. (2022). Peranan Kaedah Mura 'Ah Al-Khilaf Terhadap Penyeragaman Fatwa Di Jabatan Mufti Negeri Perlis. *Jamalullail Journal*, 1(1), 23-45
- Ibn Rushd, M. A. (1982). *Bidayah al-Mujtahid Wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Marifah.
- Ishak, M. S. I. (2018). *The Principle of Ma 'ālāt as a Response to Maṣlaḥah in Islamic Banking: A Theoretical and Empirical Study*. University of Aberdeen.
- Ishak, M. S. I., & Asni, F. (2022). *Usul Fiqh and Its Application In Islamic Finance*. Terengganu: Penerbit UniSZA.
- Isma'il, S. M. (2008). *Usul Fiqh Muyassar*. Beirut: Dār Ibn Hazm.
- ISRA. (2010). *Islamic Financial System: Principles & Operations*. Kuala Lumpur: ISRA.
- Kamali, M. H. (2016). *Principles of Islamic Jurisprudence (Vol. 15)*. Cambridge: The Islamic Texts Society Miller's House. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/1051529?origin=crossref>
- Lebar, O. (2018). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Shaarani, A. Z. M., & Ahmad, R. (2016). Qiyas Al Shabah dan Aplikasinya dalam Kewangan Islam. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 111-128.
- Shibīr, M. (2007). *Al-Mu 'āmalāt al-Mālīah al-Mu 'āṣiroh fī al-Fiqh al-Islamī*. Amman: Dār al-Nafāis.
- Zaidān, A. (1968). *Al-Madkhal li al-Dirāsah al-Shari 'ah al-Islamiyyah*. Alexandria: Dār 'Umar al-Khaṭab.